

## Gaya Pengajaran Pembelajaran Pelajar Dewasa Program SPACE Universiti Teknologi Malaysia

Hamidah Abdul Rahman<sup>a\*</sup>, Azeyan Awee<sup>a</sup>, Azizah Rajab<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

<sup>b</sup>Akademi Bahasa, , Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: hamidah@utm.my

### Article history

Received: 2 March 2011

Received in revised form: 30 January 2012

Accepted: 20 February 2012

### Abstract

This survey is conducted to identify the teaching styles of 32 social science lecturers from Faculty of Management and Human Resource Development, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) who are teaching adult learners at the School of Professional Continuing Education (SPACE), UTM. In this study the teaching styles refer to teacher-centered and learner-centered styles which were introduced by Conti (1989). The teaching styles would be assessed using the Principles of Adult Learning Scale questionnaire (PALS) which evaluate 7 factors such as learner - centered activities, personalizing instruction, relating to experience, assessing students needs, climate building, participation in the learning process and flexibility for personal development. This study found that majority of the lecturers involved used a combination of teacher-centered and learner-centered styles in teaching adult learners.

**Keywords:** Teacher-centered; learner-centered; teaching style; adult learners

### Abstrak

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pengajaran dalam kalangan 32 pensyarah sains sosial, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mengajar pelajar dewasa di Program Pengajaran Separuh Masa di Sekolah Pendidikan Profesional Pendidikan Berterusan (SPACE), UTM. Di dalam kajian ini gaya pengajaran merujuk kepada gaya pengajaran berpusat kepada guru dan gaya pengajaran berpusat kepada pelajar yang dikemukakan oleh Conti (1989). Gaya pengajaran pensyarah akan dinilai dengan menggunakan instrumen soal selidik *Principles of Adult Learning Scale* (PALS) berdasarkan 7 faktor iaitu aktiviti pembelajaran berpusat kepada pelajar, arahan personal, berkaitan dengan pengalaman, menilai keperluan pelajar, *climate building*, penglibatan dalam proses pembelajaran dan fleksibiliti dalam pembangunan personal. Hasil kajian mendapat majoriti pensyarah menggunakan gabungan faktor gaya pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada pelajar.

**Kata kunci:** Pengajaran berpusat kepada guru; pengajaran berpusat kepada pelajar; gaya pengajaran; pelajar dewasa

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### ■1.0 PENGENALAN

Pendidikan adalah proses pembelajaran sepanjang hayat bagi memajukan diri individu dan bersaing untuk mencapai tahap kehidupan yang sempurna. Pendidikan turut menjadi unsur penting di dalam mentamadunkan manusia, manakala tenaga pengajar pula adalah merupakan salah satu komponen penting di dalam proses pembelajaran. Sesuatu sistem yang ingin dijalankan oleh pihak universiti tidak akan berjaya sekiranya tenaga pengajarnya gagal di dalam melaksanakan tanggungjawab serta memainkan peranan sebenar mereka. Oleh sebab itu, tenaga pengajar mempunyai peranan yang sangat penting, malah mereka ini turut bertindak sebagai tulang belakang bagi sesebuah institusi

pendidikan. Dengan ini, sesebuah sistem pendidikan tidak akan dapat berfungsi dengan lebih baik sekiranya tenaga pengajar tersebut tidak dilengkapi dengan kelayakan dari segi akhlak, penguasaan bidang pengajaran, mempunyai pengetahuan yang luas serta memiliki kualiti peribadi yang unggul.

Justeru, bagi memenuhi cabaran serta keperluan ke arah membentuk sumber manusia yang berdaya maju, strategik dan progresif, Malaysia sentiasa memperbaharui sistem pendidikannya dari masa ke semasa kerana cara terbaik untuk membangunkan sumber manusia sesuatu negara adalah melalui penyediaan pendidikan yang secukupnya kepada rakyatnya. Pendidikan kepada pelajar dewasa adalah merupakan suatu disiplin baru di Malaysia dan ianya tidak seperti sistem pedagogi

yang berkembang pesat sejak sebelum merdeka (Mohd Azhar Abd. Hamid *et al.*, 2004). Malaysia tidak mempunyai banyak sumber yang berkaitan dengan konsep pendidikan pelajar dewasa dan ianya berbeza dengan negara barat, di mana, pendidikan pelajar dewasa berkembang dengan lebih meluas. Walau bagaimana pun, sejak kebelakangan ini, pendidikan pelajar dewasa semakin mendapat tempat di Malaysia khususnya di era ekonomi yang berteraskan pengetahuan.

Bright (1989) menyatakan bahawa, pembelajaran dewasa boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang dapat dijalankan oleh pelajar dewasa bagi tujuan mengubah kemahiran, pengetahuan, sikap, nilai dan sebagainya. Fokus pembelajaran dewasa adalah kepada pengalaman dan prinsip yang telah dibentuk khas bagi memenuhi keperluan persekitaran pembelajaran pelajar dewasa. Merriam dan Caffarella (1999) menyatakan pembelajaran dewasa adalah merupakan segala usaha sistematik yang mempunyai tujuan tertentu bagi melahirkan orang dewasa yang berilmu pengetahuan. Mazanah dan Carter (2002) pula menyatakan bahawa pembelajaran dewasa merupakan suatu aktiviti yang direkabentuk untuk tujuan memindahkan pembelajaran kepada mereka yang berumur yang boleh didefinisikan sebagai pelajar dewasa. Menurut Lindeman (2000), orang dewasa mempunyai tanggapan yang spesifik dan mereka lebih menghargai segala bidang kerjaya, kebahagiaan, keluarga, kehidupan dan hubungan komunitinya. Oleh itu, bersandarkan kepada pandangan para pengkaji tersebut, para pelajar dewasa berupaya membawa sesuatu situasi untuk digunakan ke dalam bidang kerjaya sekiranya diperlukan. Selain itu, pembelajaran dewasa juga merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang amat penting kepada para pelajar dewasa dan perannya adalah sebagai satu kaedah yang efektif di dalam penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dewasa adalah sesuatu yang berbeza. Tenaga pengajar khasnya perlu menggunakan pendekatan yang sesuai di dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dikalangan orang dewasa lebih efektif. Menurut Cell (1984), tenaga pengajar adalah penganalisis pembelajaran serta individu yang mengajar ilmu pengetahuan kepada seseorang yang lain. Dalam menjadikan sesuatu proses pembelajaran dewasa menjadi lebih efektif dan menggalakkan kepada pemindahan pengetahuan maka prinsip pembelajaran dewasa adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi menjadikan sesuatu proses pembelajaran lebih selesa dan memenuhi keperluan pelajar. Justeru, tenaga pengajar yang diberi tugasan untuk mengajar pelajar dewasa perlu memahami keperluan dan keinginan orang dewasa dalam proses pengajaran tersebut. Malah, gaya pengajaran yang digunakan haruslah bersesuaian dengan kehendak para pelajar dewasa tersebut. Prinsip pembelajaran dewasa pula adalah asas dan ini merupakan dasar yang menjadi pegangan dalam menjalankan aktiviti pembelajaran dewasa (Rogers, 1983a). Prinsip pembelajaran merupakan satu tanggungjawab yang harus dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran menjadi lebih berkesan. Dalam menjalankan proses pengajaran untuk orang dewasa, tenaga pengajar perlu memahami secara mendalam tentang prinsip-prinsip pembelajaran dewasa supaya pelajar dewasa ini merasakan proses pembelajaran dan pengajaran tersebut adalah bermakna dan mereka selesa dengan keadaan tersebut.

## ■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pengajian Separuh Masa Sekolah Pendidikan Profesional Pendidikan Berterusan (SPACE) adalah terdiri

daripada mereka yang telah bekerja, berpengalaman dan berusia. Pelajar dewasa ini mempunyai pilihan di dalam mengikut program-program yang ditawarkan oleh SPACE secara separuh masa di 15 pusat pembelajaran di seluruh negara. Kursus-kursus yang ditawarkan di SPACE UTM telah distrukturkan supaya lebih fleksibel untuk para pelajar dewasa yang sedang bekerja tetapi pada masa yang sama masih memelihara piawai akademik yang tinggi. Tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajaran program di SPACE terdiri daripada pensyarah UTM yang berpengalaman. Keistimewaan pembelajaran secara separuh masa ini bukan sahaja terbuka kepada mereka yang layak tetapi juga kepada yang bekerja. Ia merupakan satu pendekatan yang bijak ke arah menyelesaikan masalah pengajaran bagi pelajar yang tidak berpeluang belajar sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Di SPACE juga, pelajar dewasa mengendalikan pembelajaran kendiri melalui bahan rujukan, bacaan buku dan nota tertentu serta menghadiri kuliah pada hujung minggu. Tempoh pertemuan secara formal dengan pensyarah yang terhad iaitu antara lima hingga tujuh pertemuan yang diadakan pada hujung minggu merupakan satu cabaran bagi pensyarah. Ini adalah kerana mereka perlu menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai dalam mengajar pelajar dewasa yang lazimnya melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dari segi psikologi kognitif, efektif dan psikomotor. Pelajar ini juga mempunyai pengalaman kemahiran teknikal dan sosial yang berlainan. Memandangkan situasi pengajaran dan pembelajaran di SPACE amat berbeza, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pengajaran pensyarah UTM dan aplikasi prinsip pembelajaran dewasa semasa penyampaian kuliah pada hujung minggu.

Dalam konteks pembelajaran dewasa, para pengajar memainkan peranan yang penting bagi pembelajaran pelajar dewasa, dimana proses mengajar individu ini adalah berbeza sama sekali dengan pembelajaran pelajar biasa. Tenaga pengajar seharusnya memiliki kamahiran dalam mengendalikan proses pengajaran supaya pelajar dewasa tersebut berasa selesa dan proses pengajaran menjadi lebih efektif kerana masa yang diambil untuk sesuatu pembelajaran adalah panjang dan lebih lama dari pembelajaran biasa yang diadakan di IPT. Masalah yang timbul seperti kurang pemahaman di dalam pembelajaran adalah disebabkan oleh gaya dan kaedah pengajaran yang digunakan adalah tidak sesuai dalam proses pengajaran tersebut. Ini menimbulkan kesukaran untuk pelajar memahami apa yang diajar dengan baik. Sekiranya tenaga pengajar tidak merancang untuk menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai, maka dikuatir proses pengajaran tersebut tidak akan mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Masalah itu mungkin turut timbul sekiranya terdapat sebilangan pensyarah yang lebih cenderung untuk memilih keadah pengajaran tradisional yang sudah tidak sesuai lagi untuk diperaktikkan pada masa kini, serta pengajar tersebut sendiri yang kurang pendedahan terhadap konsep pembelajaran dewasa. Ini akan menyebabkan pengaplikasian prinsip pembelajaran dewasa dalam proses pengajaran tidak akan tercapai.

Pelajar dewasa pula seharusnya diberikan kaedah pembelajaran yang sesuai seperti menggalakkan pembelajaran yang menyediakan ruang komunikasi yang terbuka supaya proses pengajaran yang dijalankan oleh pengajar adalah lebih berkesan dan sesuai dengan kehendak pelajar. Selain itu, setiap tindakan atau pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar akan memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar itu sendiri kerana pendekatan yang efektif membantu secara tidak langsung kepada pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, mungkin akan terdapat masalah yang akan timbul akibat dari gaya pembelajaran yang tidak dapat diaplikasikan sepenuhnya oleh sesetengah tenaga pengajar. Maka, ianya akan membawa kepada masalah dimana

pelajar kurang memahami apa yang disampaikan oleh pengajar. Oleh itu, di dalam merancang sesuatu proses pengajaran yang efektif, tenaga pengajar perlu menitikberatkan tentang gaya pengajaran yang sesuai bagi memadankannya dengan gaya pembelajaran yang berbeza-beza yang dimiliki oleh para pelajar dewasa tersebut supaya ianya turut dapat membantu perkembangan pengetahuan akademik mereka.

Setiap tenaga pengajar mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang membezakan mereka dengan para pengajar yang lain. Oleh itu, mereka adalah merupakan orang yang bertanggungjawab bagi proses pembelajaran pelajar dewasa ini. Maka, pendekatan yang berbeza seharusnya digunakan. Ini kerana, pelajar dewasa ini adalah lebih matang berbanding pelajar biasa sekaligus gemar memberi pendapat, berkongsi idea dan perkara yang memberi manfaat kepada mereka. Selain itu, proses pembelajaran dewasa mempunyai prinsip-prinsip yang tersendiri iaitu sebagai asas dan panduan dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh, menurut Malcom Knowles (1984), orang dewasa perlu terlibat di dalam merancang serta membuat taksiran bagi semua kerja mereka. Pelajar sebegini mestilah diberikan maklumbalas berkenaan dengan sejauhmaka pencapaian maklumat mereka. Pengalaman juga dijadikan asas kepada aktiviti pembelajaran dan perkongsian pengalaman pelajar merupakan sesuatu yang bermakna dalam proses pembelajaran. Pelajar tersebut turut lebih minat dan cenderung dalam mempelajari perkara-perkara yang berkaitan secara langsung dengan kerja dan kehidupan mereka serta pembelajaran orang dewasa adalah tertumpu kepada

permasalahan (*problem-centered*). Walaubagaimanapun, terdapat juga sebilangan daripada tenaga pengajar yang tidak mementingkan prinsip-prinsip tersebut. Ini menyebabkan mereka tidak dapat memahami keperluan sebenar pelajar dewasa tersebut dan ini akan menyebabkan proses pengajaran yang dilakukan adalah tidak efektif.

Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pengajaran dalam kalangan pensyarah sains sosial di UTM yang mengajar pelajar dewasa.

### ■3.0 TEORI PENGAJARAN

Model yang dikemukakan oleh Huba dan Freed (2000) membincangkan mengenai perbezaan diantara perspektif pengajaran berpusat kepada guru (*teacher-centered*) dan pembelajaran berpusat kepada pelajar (*learner-centered*). Pengajaran berpusat kepada guru lebih berpusat kepada tenaga pengajar itu sendiri dan mereka menjadi individu yang penting dalam proses pengajaran tersebut. Berbeza pula dengan pembelajaran berpusat kepada murid dimana gaya pengajaran tersebut lebih memberi tumpuan kepada pelajar dan mereka bekerjasama dengan tenaga pengajar bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Secara ringkas, model pengajaran Huba dan Freed (2000) adalah seperti jadual 1 di bawah.

**Jadual 1** Model perbandingan antara pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada pelajar

PENGAJARAN BERPUSTAT KEPADA GURU	PEMBELAJARAN BERPUSTAT KEPADA PELAJAR
1. Pengetahuan dipindahkan daripada tenaga pengajar kepada pelajar.	1. Pelajar membina pengetahuan melalui pengumpulan dan sintesis maklumat serta menyatukannya dengan komunikasi, berfikir secara kritis dan kreatif.
2. Pelajar menerima maklumat secara pasif.	2. Pelajar aktif melibatkan diri dalam proses pembelajaran.
3. Penekanan terhadap perolehan pengetahuan luar untuk digunakan dalam proses pembelajaran.	3. Penekanan terhadap penggunaan dan berkomunikasi tentang pengetahuan secara efektif untuk menyelesaikan masalah dalam konteks situasi yang sebenar.
4. Peranan tenaga pengajar adalah sebagai sumber pemberi maklumat dan penilai.	4. Tenaga pengajar berperanan sebagai jurulatih dan fasilitator dan mereka bekerjasama dengan pelajar dalam menilai pembelajaran.
5. Pengajaran dan penilaian adalah bersinggan.	5. Pengajaran dan penilaian adalah bersatu.
6. Penilaian digunakan untuk menguji pembelajaran.	6. Penilaian digunakan untuk mendiagnosis pembelajaran.
7. Budaya pembelajaran lebih kepada persaingan dan individualistik	7. Budaya pembelajaran lebih kepada bekerjasama dan memberi sokongan antara satu sama lain.

Sumber: Learner-centered Assessment on College Campuses (Huba dan Freed, 2000)

Model pengajaran Allen (2004) menerangkan berkenaan dengan konsep pengajaran diantara dua gaya dominan pengajaran yang berbeza iaitu pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada murid. Kedua-dua aspek ini berbeza dari aspek matlamat, cara pembelajaran, kaedah penyampaian dan pengajaran efektif. Ini adalah kerana pengajaran berasaskan pengajaran berpusat kepada guru lebih tertumpu kepada bagaimana tenaga pengajar memainkan peranan dan tanggungjawab mereka mengajar pelajar dan pengajaran berasaskan pembelajaran berpusat kepada murid pula memfokuskan kepada inisiatif atau usaha bagi mencapai

keinginan mereka dalam proses pembelajaran. Berikut ialah model pengajaran Allen (2004) yang menjelaskan perbezaan diantara pengajaran berpusat kepada guru dan pengajaran berpusat kepada pelajar.

### ■4.0 METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dijalankan ke atas pensyarah sains sosial di UTM yang mengajar mana-mana kursus di SPACE. Seramai 32 orang pensyarah yang terlibat mengajar bidang sains sosial dari

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia di SPACE, UTM pada sesi 2009/2010, semester 2 telah terpilih sebagai sampel kajian ini. Pemilihan tersebut adalah dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada *Principles of Adult Learning Scale* (PALS) (Conti, 1989) bertujuan untuk mengenal pasti gaya pengajaran dan pengaplikasian prinsip pembelajaran dewasa. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi item maklumat responden. Bahagian B pula mengandungi tujuh faktor untuk menentukan gaya pengajaran iaitu Faktor 1 (aktiviti pembelajaran berpusat kepada murid), Faktor 2 (pengajaran personal), Faktor 3 (berkaitan dengan pengalaman), Faktor 4 (menilai keperluan pelajar), Faktor 5 ('climate building'), Faktor 6 (penglibatan dalam proses pembelajaran), dan Faktor 7 (fleksibiliti untuk pembangunan personal). Skala pemeringkatan lima mata yang digunakan adalah terdiri daripada "selalu" (1), "kerap" (2), "kadang-kadang" (3), "jarang" (4) dan "tidak pernah" (5). Analisis data bagi kajian ini menggunakan kaedah min dan peratusan melalui perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0.

## ■5.0 KEPUTUSAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan gaya pengajaran di kalangan pensyarah sains sosial yang mengajar pelajar dewasa berpandukan kepada 3 gaya pengajaran iaitu pengajaran berpusat kepada guru, pembelajaran berpusat kepada pelajar atau gabungan kedua-duanya sekali. Bagi menentukan gaya pengajaran ini adalah berdasarkan kepada 7 faktor iaitu Faktor 1- aktiviti pembelajaran berpusat kepada pelajar, Faktor 2- pengajaran personal, Faktor 3- berkaitan dengan pengalaman, Faktor 4 -menilai keperluan pelajar, Faktor 5 -'climate building', Faktor 6 - penglibatan dalam proses pembelajaran dan Faktor 7 - fleksibiliti untuk pembangunan personal. Jadual 3 menunjukkan frekuensi dan peratusan bagi tiga jenis gaya pengajaran iaitu gaya pembelajaran berpusat kepada pelajar, gabungan gaya pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada pelajar, serta, gaya pengajaran berpusat kepada guru. Hasil keseluruhan kajian ini dapat dilihat melalui Jadual 4.

**Jadual 2** Model pengajaran berpusat kepada guru dan pengajaran berpusat kepada pelajar

KONSEP	PENGAJARAN BERPUSAT KEPADA GURU	PEMBELAJARAN BERPUSAT KEPADA PELAJAR
<b>Matlamat pengajaran</b>	Meliputi keseluruhan pengajaran.	Pelajar belajar bagaimana menggunakan ilmu pengetahuan dan menyatakan pengetahuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
<b>Cara pembelajaran</b>	Mendengar dan membacaan.	Pelajar membentuk pengetahuan melalui penyatuan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada serta pembelajaran dilihat sebagai tindakan kognitif dan sosial.
<b>Kaedah penyampaian</b>	Syarahan, tugasan dan peperiksaan.	Pembelajaran aktif, pembelajaran arahan kendiri dan pembelajaran berdasarkan masalah.
<b>Pengajaran efektif</b>	Menyampaikan maklumat dengan baik.	Melibatkan pelajar dalam pembelajaran dan membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran.

Sumber: Assessing Academic Programs in Higher Education (Allen, 2004)

**Jadual 3** Frekuensi dan peratusan bagi 3 jenis gaya pengajaran

Faktor	min	GAYA 1	GAYA 2	GAYA 3
1	3.25	f %	0 0	30 93.8
2	3.42	f %	0 0	21 65.6
3	2.19	f %	25 78.1	7 21.9
4	3.45	f %	0 0	21 65.6
5	3.66	f %	0 0	18 56.3
6	3.68	f %	0 0	15 46.9
7	1.93	f %	32 100	0 0

\* Gaya 1 = Gaya pembelajaran berpusat kepada pelajar

Gaya 2 = Gabungan gaya pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada pelajar

Gaya 3 = Gaya pengajaran berpusat kepada guru

**Jadual 4** Gaya pengajaran secara keseluruhan

FAKTOR	GAYA PENGAJARAN
1 - Aktiviti pembelajaran berpusat kepada pelajar	Gaya 2
2 - Pengajaran personal	Gaya 2
3 - Berkaitan dengan pengalaman	Gaya 1
4 - Menilai keperluan pelajar	Gaya 2
5 - <i>Climate building</i>	Gaya 2
6 - Penglibatan dalam proses pembelajaran	Gaya 3
7 - Fleksibiliti untuk pembangunan personal	Gaya 1

## ■6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil analisis di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa, gaya pengajaran pensyarah berdasarkan faktor pertama iaitu aktiviti pembelajaran berpusat kepada murid menunjukkan pensyarah lebih cenderung mengaplikasikan gabungan gaya pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada murid. Bagi faktor ini, pensyarah tidak mengaplikasikan sepenuhnya prinsip pembelajaran dewasa dalam proses pengajaran mereka kerana masih mengaplikasikan gaya pengajaran berpusat kepada guru. Ini bercanggah dengan teori yang dikemukakan oleh Conti (1985) di mana beliau percaya pendekatan pembelajaran berpusat kepada pelajar lebih cenderung ke arah proses pengaplikasian prinsip pembelajaran dewasa. Pendekatan ini menganggap bahawa pelajar adalah seorang yang proaktif, *self-directed* dan bermotivasi serta mempunyai keupayaan yang tinggi untuk membangun. Maka, aktiviti yang berdasarkan pembelajaran berpusat kepada pelajar adalah lebih perlu dalam proses pembelajaran dewasa kerana ia dapat memberi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dewasa.

Di samping itu keseluruhan pensyarah menganggap adalah perlu mengaplikasikan kedua-dua gaya pengajaran iaitu pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada murid dalam proses pengajaran berdasarkan faktor yang kedua iaitu pengajaran personal. Ini adalah kerana dalam proses pengajaran personal dewasa ini terdapat perkara-perkara yang mereka rasakan bahawa mereka perlu membantu dan memimpin pelajar dalam melalui proses pengajaran supaya mereka berada pada landasan yang betul. Mereka juga percaya dengan gabungan kedua-dua gaya pengajaran ini pelajar dapat membuat keputusan yang terbaik dalam proses pembelajaran seterusnya memberi impak yang positif dalam kehidupan. Pensyarah juga melihat dan percaya bahawa pelajar dewasa ini memerlukan sokongan dalam proses pengajaran dan mereka lebih bersemangat sekiranya mendapat sokongan dari penyarah yang dapat memotivasi mereka semasa melalui proses tersebut. Merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Garsha (1996) yang menyatakan bahawa terdapat lima dimensi gaya pengajaran dimana salah satunya menyatakan bahawa tenaga pengajar perlu menjadi fasilitator kepada pelajar yang menekankan kepada membimbing dan mengarah pelajar dengan bertanyakan soalan, mencuba pilihan yang dibuat, mencadangkan alternatif-alternatif baru dan menggalakkan mereka untuk membangunkan kriteria-kriteria untuk membuat pilihan. Sekali gus, ia menggalakkan kepada pengajaran dan pembangunan personal dalam diri pelajar itu sendiri.

Bagi faktor yang ketiga iaitu menentukan gaya pengajaran berdasarkan pengalaman, dapatan kajian menunjukkan pensyarah mengamalkan gaya pengajaran pembelajaran berpusat kepada pelajar. Maka, dapat dirumuskan bahawa pensyarah sains sosial mengaplikasikan sepenuhnya prinsip pembelajaran dewasa dalam proses pengajaran mereka. Ini adalah kerana orang dewasa lebih gemar belajar dalam suasana yang tidak dikongkong oleh mana-mana peraturan yang

membuatkan mereka sukar untuk belajar berkenaan dengan sesuatu perkara. Gibb (1960) menyatakan bahawa pemusatkan pengalaman menjadi asas dalam pembelajaran dewasa kerana pelajar dewasa mempunyai karakter serta pengalaman yang luas dari itu mereka memiliki kelebihan yang harus di aplikasikan di dalam pembelajaran mereka.

Bagi faktor yang keempat iaitu menilai keperluan pelajar, dapatan kajian menunjukkan majoriti pensyarah cenderung mengaplikasikan gabungan kedua-dua gaya pengajaran dalam membantu pelajar menilai keperluan diri mereka dalam proses pembelajaran. Oleh itu, tahap pengaplikasian pensyarah bagi prinsip pembelajaran dewasa berdasarkan faktor menilai keperluan pelajar adalah ditahap yang sederhana iaitu pada skor min 3.45. Pensyarah seharusnya di saran agar perlu mengetahui keinginan pelajar dewasa dalam proses pembelajaran dan mendengar segala cadangan dan pendapat mereka serta berbincang untuk mendapat keputusan yang terbaik berdasarkan keperluan sebenar pelajar dewasa. Ini disokong dengan teori yang dikemukakan oleh Vella (1994) iaitu “12 Prinsip Untuk Keberkesanan Pembelajaran Dewasa” dimana salah satu prinsipnya adalah kepentingan dalam menilai keperluan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk membantu membentuk aktiviti yang berdasarkan keperluan pelajar dan membentuk aktiviti yang berguna kepada pelajar dewasa.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti pensyarah memilih gabungan kedua-dua gaya pengajaran iaitu pengajaran berpusat kepada guru dan pembelajaran berpusat kepada pelajar dalam proses pengajaran berdasarkan faktor yang kelima iaitu ‘*climate building*’. Ini menunjukkan pengaplikasian prinsip pembelajaran dewasa pensyarah sains sosial di UTM masih pada tahap yang sederhana iaitu skor min 3.66 berdasarkan faktor ini. Mereka seharusnya kerap menggalakkan interaksi diantara pelajar supaya mereka saling dapat membantu antara satu sama lain dalam proses pembelajaran dan mereka juga menitikberatkan kompetensi yang dimiliki oleh pelajar dewasa bagi mencapai objektif pengajaran. Pensyarah juga seharusnya menerima kesalahan pelajar kerana perlu memberi peluang kepada pelajar dalam proses pembelajaran tanpa menghukum kesalahan yang telah mereka lakukan dan perlu memberi nasihat, pengajaran serta membantu mereka supaya kesalahan tidak akan berulang pada masa hadapan.

Faktor keenam pula ialah penglibatan dalam proses pengajaran, dapatan kajian menunjukkan pensyarah sains sosial cenderung mengaplikasikan gaya pengajaran berpusat kepada guru. Dapat dirumuskan disini bahawa pengaplikasian prinsip pembelajaran dewasa dalam proses pengajaran pensyarah adalah tidak sepenuhnya. Oleh itu, adalah perlu sekiranya pelajar dewasa diberi ruang untuk terlibat secara aktif dalam proses pengajaran agar dapat membantu mereka dalam meningkatkan komunikasi dua hala antara pengajar dan pelajar serta dapat bertukar-tukar pendapat supaya pelajar dapat memahami dengan lebih baik serta dapat mengaplikasikan apa yang telah ada dengan apa yang telah dipelajari. Penyataan ini disokong oleh teori yang dikemukakan oleh Vella (1994) yang menyatakan bahawa adalah perlu menggalakkan pelajar melibatkan diri

dalam aktiviti pembelajaran seperti perbincangan dalam kumpulan, memberi cadangan, berucap dan sebagainya kerana ia dapat memberikan keseronokan kepada pelajar dalam proses pembelajaran.

Faktor terakhir dalam penentuan gaya pengajaran pensyarah dalam mengajar pelajar dewasa ini adalah berkenaan dengan fleksibeliti bagi pembangunan personal. Hasil kajian menunjukkan pensyarah cenderung mengaplikasikan gaya pengajaran pembelajaran berpusat kepada pelajar dalam proses pengajaran mereka. Ini secara langsung dapat dirumuskan bahawa pensyarah-pensyarah ini mengaplikasikan prinsip pembelajaran dewasa sepenuhnya berdasarkan faktor ini. Ini adalah kerana mungkin pensyarah beranggapan bahawa mereka perlu menghargai diri pelajar kerana pembangunan adalah suatu perkara yang menitikberatkan keunikan peribadi. Setiap individu mempunyai pendapat, perasaan, perspektif dan nilai mereka sendiri dan kesemua ini adalah sangat bererti bagi para pelajar. Oleh itu, pensyarah menitik beratkan ciri-ciri ini agar pelajar dewasa dapat merasai seperti dihargai dan seterusnya berusaha kearah pembangunan diri mereka. Vella (1994) turut menyarankan agar tenaga pengajar perlu bersifat delegator supaya mereka lebih peka terhadap pembangunan pelajar untuk berfungsi dan menjalankan tugas dengan baik. Ini amat penting kerana tenaga pengajar diperlukan sebagai sumber maklumat terhadap sesuatu perkara yang dilakukan pelajar dewasa.

Secara keseluruhannya, pensyarah sains sosial yang terlibat dalam kajian ini lebih cenderung untuk mengaplikasikan gaya pengajaran gabungan, iaitu pengajaran berpusat kepada pengajar dan pengajaran berpusat kepada pelajar. Ini dapat dilihat daripada tujuh faktor yang digunakan, terdapat empat faktor iaitu faktor 1, 2, 4 dan 5 mengaplikasikan gaya gabungan ini. Manakala, faktor 3 dan 7 pula menggunakan gaya pengajaran berpusat kepada pelajar dan hanya satu faktor, iaitu faktor 6 menggunakan gaya berpusat kepada pengajar.

## ■7.0 KESIMPULAN

Tenaga pengajar seharusnya memberi peluang kepada pelajar menyuarakan pendapat mereka sendiri dalam pembelajaran kerana ini adalah asas kepada pembelajaran (Huba & Freed, 2000; Allen, 2004). Proses pembelajaran berkesan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan memberi kepercayaan kepada pelajar dalam membuat keputusan serta membenarkan mereka memilih jalan penyelesaian sendiri yang dapat memuaskan hati mereka. Tenaga pengajar seharusnya menjadi sumber maklumat dan juga sebagai pemudah cara untuk pelajar meluahkan suara hati dan pendapat mereka. Ini adalah penting bagi melihat pandangan dan pendapat mereka dalam usaha mencari jalan penyelesaian sesuatu masalah. Pelajar ini akan mempelajari sesuatu apabila mereka sedar bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada apa yang sedang mereka lakukan.

Tenaga pengajar juga seharusnya percaya dan menghormati pelajar. Sikap terbuka tenaga pengajar dapat menjadikan pelajar kurang bergantung kepada mereka dan pelajar akan merasakan pengajar adalah sumber bermilai untuk menjadikan proses pembelajaran itu lebih bermakna. Seseorang individu akan belajar apabila dia melihat dirinya sendiri sebagai sumber idea dan alternatif kepada penyelesaian masalah. Kesimpulannya, pembelajaran tidak hadir dengan sendirinya tetapi pembelajaran itu timbul daripada corak atau gaya individu yang mengolahnya.

## Rujukan

- Allen. 2004. *Accessing Academic Program in Higher Education*. United Kingdom: Jessica Kingsley Publisher Ltd.
- Bright, B. P. 1989. *Theory and Practice in the Study of Adult Education*. London & New York: Routledge.
- Brookfield, S. D. 2005. *The Power of Critical Theory for Adult Learning And Teaching*. England: Open University Press.
- Cell, E. 1984. *Learning To Learn From Experience*. Albany: State University of New York Press.
- Conti, G. J. 1985. Assessing Teaching Style in Adult Education. How and Why. *Lifelong Learning*. 8(8): 7–11.
- Conti, G. J. 1989. *Teaching Styles and the Adult Basic Educator*. Culture Concepts Inc.: Toronto.
- Conti, G. J. 1990. *Identifying Your Teaching Style*. Florida : Krieger.
- Conti, G. J.& Welborn, R. B. 2005. *Teaching-Learning Styles and The Adult Learner*. Englewood Cliffs. NJersey: Prentice Hall.
- Gibb, J. R. 1960. Learning Theory in Adult Education. In M. S. Knowles (Ed.), *Handbook of Adult Education in the United States*. Chicago: Adult Education Association of the U.S.A. 54–64.
- Grasha, A. F. 1996. *Teaching With Style: A Practical Guide to Enhancing Learning By Understanding Teaching And Learning Styles*. Pittsburgh: Alliance Publishers.
- Hooper, E & Osborn, M. 1978. *Adults Students, Education Selection and Social Control*. Portland, Oregan: Frances Printer.
- Huba & Freed. 2000. *Learner-Centered Assessment on College Campuses*. The Dryden Press Saunders College Publishing, US.
- Lindeman, E. C. 1926a. *The Meaning of Adult Education*, New York: New Republic. Republished in a new edition in 1989 The Oklahoma Research Center for Continuing Professional and Higher Education.
- Lindeman, E. C. 2000. Student-centered Teaching: Making it work. *Adult Learning*. 11(4): 5–6.
- Malcolm, K. 1984. *Andragogy in Action*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mazanah Muhamad and Carter, G. L. 2002. *Designing and Facilitating Adults Learning*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Merriam, S. B. & Caffarella, R. S. 1999. *Learning in Adulthood*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Azhar Abd.Hamid, Paimah Atoma, Muhamed Fauzi Othman & Mohd Nasir Markom. 2004. *Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Rogers, C. R. 1983a.. *As a teacher, can I be myself? In Freedom to learn for the 80's*. Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.
- Sabitha M. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. 1<sup>st</sup> Ed. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Vella P. J. 1994. *Learning to Listen, Learning to Teach: The Power of Dialogue in Education Adults*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Utusan Malaysia. 2011. *Selangor rugi tolak UiTM.. Mingguan Malaysia*. 2.